

# Kawal filem seram, tahuyl

ISU filem seram dan tahuyl kembali bergema apabila Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kelima baru-baru ini memutuskan supaya kerajaan bertindak tegas bagi memastikan filem atau drama tempatan berunsur seram dan hantu tidak lagi memaparkan jalan cerita yang mempersendakan Islam.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga pernah menzahirkan kerisauannya apabila terdapat lambakan cerita hantu yang ditayangkan di televisyen dan filem ketika ini dikhuatiri boleh mempromosikan kepercayaan karut yang tidak membantu membina masyarakat produktif termasuk menyelesaikan masalah dengan pendekatan saintifik.

Dalam pada itu, kita juga masih

segar dengan pengumuman Lembaga Penapis Filem (LPF) yang tidak lagi menapis sesebuah filem sebelum ditayangkan, sebaliknya peranan tersebut diserahkan kepada pengarah dan penerbit filem itu sendiri. Keputusan itu juga dikatakan meliputi filem luar negara.

Ringkasnya, rata-rata masyarakat kita terutama umat Islam setuju bahawa filem seram itu yang lebih banyak memaparkan unsur tahuyl boleh merosakkan akidah umat Islam dan tidak elok dijadikan tontonan umum.

Ini kerana, kita khuatir ia boleh membawa pengaruh kurang baik kepada masyarakat kita terutama anak-anak kita. Apakah kita mahu pertontonkan perkara tahuyl dan bertentangan dengan ajaran agama Islam kepada anak-anak kita?

 **Filem seperti itu seperti kata Tun Dr. Mahathir tidak langsung membantu membina masyarakat progresif, maju dan bertamadun. Ia seolah-olah mengajak kita mundur ke belakang.**

Walaupun pengarah dan penerbit cuma mengetengahkan dan memperlihatkan kreativiti dan kehebatan masing-masing melalui daya imaginasi yang tinggi dengan menghasilkan filem seperti itu, tetapi mereka perlu sedar juga tentang tanggungjawab sosial mereka dan ia tidak membawa sebarang makna andai akhirnya boleh menjurus ke arah meruntuh dan merosak akidah masyarakat kita.

Biarlah kreativiti dan imaginasi itu bertempat dan berpada. Jangan

hanya kerana mahu filem keluaran kita laris di pasaran, kita sanggup menggadaikan dan memperjudikan akidah penonton.

Tambahan pula, filem seperti itu seperti kata Tun Dr. Mahathir tidak langsung membantu membina masyarakat progresif, maju dan bertamadun. Ia seolah-olah mengajak kita mundur ke belakang.

Lebih merisaukan kita apabila LPF pula tidak menapis filem seperti itu yang pasti akan mem-

bolehkan filem berkenaan berleluasa di pasaran dengan adengan yang boleh menghanyutkan anak-anak muda kita.

Dalam hal ini, kita percaya majoriti rakyat kita yang berfikiran waras masih mengharapkan agar LPF terus memainkan peranan aktif dalam menapis segala unsur-unsur kurang sihat dan tidak sesuai dengan norma kehidupan masyarakat kita baik dalam filem tempatan maupun luar negara.

Walaupun bukan semua filem tempatan maupun luar negara mempunyai unsur-unsur tersebut, tetapi kebebasan mutlak yang diberikan ini dikhuatiri akan membawa malapetaka besar kepada kehidupan sosial rakyat kita.

Kita perlu ingat bahawa selama ini, ketika LPF melaksanakan tapisan yang ketat masih terdapat

beberapa adegan dalam filem tempatan mahupun luar negara yang kadangkala terlepas pandang. Ia kemudiannya menjadi isu dalam kalangan masyarakat dan kita tidak dapat bayangkan apa akan terjadi selepas ini tanpa sebarang tapisan.

Filem kita adalah wajah kita. Justeru, kita memohon agar pihak kerajaan mengeluarkan garis panduan lebih ketat terhadap pengeluaran filem seram dan tahuul di negara kita.

Cukuplah dengan masalah sozial yang sedia ada dalam kalangan umat Islam. Usahlah kita menambah lagi dengan membuka peluang seperti itu yang boleh merosakkan akidah kita pula.

**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**  
UPM Serdang Selangor